


JALANILAH UJIAN **HIV** TANPANAMA



Ujian ini mudah didapati, ringkas dan tidak sakit.

Perkhidmatan ini percuma di klinik kesihatan kerajaan dan keputusan dirahsiakan.



AIDS TIDAK BOLEH DISEMBUHKAN.....

AIDS adalah sejenis penyakit yang tidak dapat disembuhkan. Ia berpunca daripada jangkitan virus HIV yang melumpuhkan sistem daya tahan tubuh melawan penyakit.

Virus HIV boleh didapati dalam darah, air mani dan cecair faraj mereka yang telah dijangkiti.



ANDA MUNGKIN TERDEDAH KEPADA JANGKITAN HIV JIKA ANDA.....

- Mempunyai pasangan atau suami/isteri yang telah dijangkiti HIV.
- Seorang pelacur atau pernah melanggani pelacur.
- Atau pasangan anda mengamalkan homoseksuals.
- Mengadakan hubungan seks dengan berbilang pasangan.
- Mengadakan hubungan seks dengan suami/isteri atau pasangan penagih dadah.
- Penagih dadah dan pernah berkongsi jarum suntikan.

ADAKAH ANDA TELAH DIJANGKITI HIV ?

Hanya satu cara untuk mengetahui.
Jalanilah ujian HIV.

Ujian HIV merupakan langkah pertama anda menyelamatkan nyawa anda dan orang yang disayangi.

CARA MENDAPATKAN UJIAN HIV

Langkah Ujian Saringan

- Pergi ke mana-mana klinik kesihatan kerajaan.
- Berjumpa terus dengan doktor atau pembantu perubatan / jururawat bertugas dan minta ujian HIV dilakukan.
- Doktor atau pegawai bertugas akan memberi kaunseling .
- Setitis darah akan diambil dari hujung jari untuk diuji. Keputusan ujian boleh diketahui dalam masa 15 minit.
- Jika keputusan ujian 'tidak reaktif', anda akan diberi penerangan lanjut dan dinasihatkan untuk mengulangi ujian 6 bulan kemudian.
- Jika keputusan ujian adalah 'reaktif', nasihat akan diberikan dan persetujuan diperolehi daripada anda untuk menjalani **ujian pengesahan**.

Langkah Ujian Pengesahan

- Ujian pengesahan HIV dilaksanakan secara 'sulit'. Hanya doktor atau pegawai bertugas yang menjalankan ujian sahaja yang tahu maklumat peribadi anda.
- Jumpa doktor atau pegawai bertugas pada hari temujanji yang telah ditetapkan (2 minggu selepas sampel darah diambil) bagi mengetahui keputusan ujian pengesahan dan mendapat kaunseling .
- Jika keputusan ujian adalah **NEGATIF**, anda akan diberi temujanji dalam masa 6 bulan untuk pengesahan ulangan.
- Sekiranya keputusan ujian adalah **POSITIF**, anda akan dirujuk ke mana-mana klinik kesihatan yang mempunyai perkhidmatan pengurusan HIV yang anda pilih. Jagaan seterusnya akan meliputi perkhidmatan kaunseling, pemeriksaan kesihatan, ujian makmal dan rawatan.

Jika ingin mengetahui dengan lebih lanjut, sila hubungi klinik kesihatan atau hubungi Pegawai AIDS Negeri.

NOMBOR TELEFON PEGAWAI AIDS NEGERI

NEGERI	TELEFON
JOHOR	07-224 5188
MELAKA	06-282 8344
N.SEMBILAN	06-762 5231
SELANGOR	03-5518 6001
PERAK	05-253 3489
KEDAH	04-733 5533
P. PINANG	04-262 5533
PERLIS	04-977 3333
KELANTAN	09-748 3288
TERENGGANU	09-622 2866
PAHANG	09-5161366
SARAWAK	082-256 566
SABAH	088-716535
K. LUMPUR	03-26938742
DBKL	03-92845166



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA